

# **Transisi Kerjaya Pendidikan Khas Vokasional Teori dan Amalan**

## **Penulis Utama:**

Mohamad Hisyam Mohd Hashim<sup>1</sup>, Siti Nor Idayu Mohd Nassir<sup>2</sup>

## **E-mel:**

mhisyam@uthm.edu.my<sup>1</sup>

**Abstrak:** Buku ini ditulis sebagai panduan kepada para guru, keluarga, MBPK dan masyarakat tentang pendekatan yang boleh digunakan dalam membantu MBPK MP menentukan masa depan kerjaya dan kehidupan mereka. Buku ini ditulis berdasarkan kajian yang telah dijalankan terhadap pelaksanaan Program Transisi Kerjaya (PTK) MBPK MP di sekolah yang telah dapat melahirkan murid yang mampu mendapat dan mengekalkan pekerjaan hasil daripada program tersebut.

Buku ini membincangkan dan menjelaskan tentang tujuh amalan dalam pelaksanaan PTK untuk MBPK MP iaitu persekolahan, perancangan berpusatkan murid, struktur program, kolaborasi bersama institusi pendidikan vokasional awam, swasta dan industri, penglibatan keluarga, perkembangan murid dan kesediaan pengalaman kerja murid. Selain itu, perkara yang dikupas di dalam buku ini juga adalah berkaitan penglibatan industri dalam pelaksanaan PTK tersebut yang boleh dijadikan panduan dalam pelaksanaannya. Seterusnya, cabaran dalam pelaksanaan PTK turut dijelaskan yang membawa kepada pelbagai cadangan penambahbaikan program.

**Kata Kunci:** Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK), Program Transisi Kerjaya (PTK), industri

# *Transisi Kerjaya* **Pendidikan Khas Vokasional**

Teori dan Amalan



MOHAMAD HISYAM MOHD. HASHIM  
SITI NOR IDAYU MOHD NASSIR

  
**Penerbit**  
**UTHM**

# *Transisi Kerjaya* Pendidikan **Khas** Vokasional

Teori dan Amalan

MOHAMAD HISYAM MOHD. HASHIM  
SITI NOR IDAYU MOHD NASSIR





© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2017

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Pengkatalogan Data Penerbitan

Mohamad Hisham Mohd. Hashim, Prof. Madya, Dr.  
Transisi Kerjaya Pendidikan Khas Vokasional: Teori dan Amalan /  
MOHAMAD HISYAM MOHD. HASHIM, SITI NOR IDAYU MOHD  
NASSIR.

Includes index

Bibliography: page 105

ISBN 978-967-2110-45-3

1. Children with disabilities--Vocational education--Malaysia.
2. Learning disabled youth--Vocational guidance--Malaysia.
3. Vocational education. I. Siti Nor Idayu Mohd. Nasir.

II. Judul

Diterbitkan oleh:  
Penerbit UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
No. Tel: 07-453 8698/8529  
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>  
E-mel: [pt@uthm.edu.my](mailto:pt@uthm.edu.my)  
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia  
(MAPIM)

Dicetak oleh:  
PERCETAKAN MUAFAKAT JAYA SDN. BHD.  
No.6 Jalan Perdagangan 16,  
Taman Universiti Industrial Park,  
81300 Skudai, Johor Bahru.



# Kandungan

*Prakata*

*Pendahuluan*

*Senarai Singkatan*

## BAHAGIAN 1: TEORI

<b>BAB 1</b>	Pendidikan Khas	1
<b>BAB 2</b>	Isu Kerjaya Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)	7
<b>BAB 3</b>	Kurikulum Pendidikan Khas	11
<b>BAB 4</b>	Pendidikan Vokasional	15
<b>BAB 5</b>	Program Transisi Kerjaya	19
<b>BAB 6</b>	Model-Model dalam Transisi Kerjaya	25
<b>BAB 7</b>	Teori-Teori Transisi Kerjaya	33

## BAHAGIAN 2: AMALAN

<b>BAB 8</b>	Kerangka Amalan Transisi Kerjaya	51
<b>BAB 9</b>	Persekolahan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran	55
<b>BAB 10</b>	Perancangan Berpusatkan Murid	57
<b>BAB 11</b>	Struktur Program Transisi Kerjaya	61
<b>BAB 12</b>	Kolaborasi	65
<b>BAB 13</b>	Penglibatan Keluarga	73
<b>BAB 14</b>	Perkembangan Murid	75
<b>BAB 15</b>	Kesediaan Pengalaman Kerja	81
<b>BAB 16</b>	Cabaran dan Cadangan Pelaksanaan	83

## LAMPIRAN

A	Konsep Program Transisi Kerjaya (PTK)	87
B	Bentuk Program Transisi Kerjaya (PTK)	88
C	Contoh Rancangan Pendidikan Individu (RPI)	93
D	Contoh Analisis Tugasan	98
E	Contoh Penilaian Perkembangan Murid	99

<i>Glosari</i>	103
<i>Bibliografi</i>	105
<i>Biografi</i>	113
<i>Indeks</i>	115



## Prakata

Pendidikan untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) semakin mendapat perhatian terutamanya dalam menentukan bidang kerjaya setelah mereka menamatkan alam persekolahan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga memandang serius isu ini. Oleh yang demikian, KPM telah menyatakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) bahawa kementerian berhasrat untuk melaksanakan program transisi MBPK ke arah kerjaya. Tujuan buku ini adalah untuk meningkatkan pemahaman dalam kalangan pembaca mengenai Transisi Kerjaya Pendidikan Khas difokuskan kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK).

Buku yang bertajuk ‘Transisi Kerjaya Pendidikan Khas Vokasional: Teori dan Amalan’ ini mengandungi 16 bab dan sesuai digunakan oleh pengubal dasar pendidikan khas, murid pendidikan khas, guru, pengetua, pelajar siswazah dan pengamal pendidikan khas. Buku ini penting dan sesuai digunakan kerana telah disusun dengan teratur, mengandungi bab yang penting, terkandung pengetahuan teoritikal dan amalan. Penghasilan buku ini adalah hasil daripada penyelidikan, idea dan pengalaman penulis. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di atas sokongan, bimbingan, nasihat, dorongan dan kata-kata semangat yang sentiasa diberikan sepanjang penulisan sehingga terbitnya buku ini. Seterusnya, jutaan terima kasih kepada pihak sekolah, guru-guru PPKI dan MBPK MP atas segala kerjasama dan komitmen yang diberikan. Tidak lupa juga penghargaan kepada pihak Bahagian Pendidikan Khas (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana memberi kebenaran untuk mendapatkan maklumat dan kerjasama yang amat baik lagi cemerlang. Penulis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada isteri, Nor Huda binti Teh@Ismail di atas segala pengorbanan, doa, tolak ansur dan kerjasama dalam tempoh menghasilkan buku ini. Seterusnya buat cahaya mata,

# Pendahuluan

Buku “Transisi Kerjaya Pendidikan Khas Vokasional: Teori dan Amalan” merupakan satu platform ke arah membantu dan memastikan haluan kerjaya murid Pendidikan Khas. Buku ini yang mengandungi 16 bab, ditulis untuk berkongsi dengan pembaca tentang pelaksanaan PTK yang boleh membentuk diri murid ke arah mempunyai kemahiran bekerja dan berkerjaya. Bab 1-7 membentangkan dan memperkatakan tentang perkhidmatan pendidikan khas, isu kerjaya MBPK dan kurikulum pendidikan khas. Seterusnya Pendidikan Vokasional, PTK untuk MBPK MP, model-model dalam transisi kerjaya MBPK MP, teori-teori transisi kerjaya dan kajian kes mengenai pelaksanaan PTK untuk MBPK MP.

Seterusnya, bab 8-16 pula memperkatakan tentang amalan-amalan transisi kerjaya MBPK MP iaitu dari segi persekolahan, perancangan berpusatkan murid, struktur PTK, kolaborasi bersama institusi pendidikan vokasional swasta, awam dan industri, penglibatan keluarga, perkembangan murid dan kesediaan pengalaman kerjaya murid dalam pelaksanaan PTK MBPK MP. Bahagian ini juga ini menekankan pendekatan dan strategi industri dalam PTK MBPK MP dan bagaimana PTK dengan penglibatan industri boleh menjadi panduan kepada pelaksanaan untuk MBPK MP dan akhirnya cabaran dan cadangan dalam pelaksanaan PTK untuk MBPK MP. Penulis berharap dengan perkongsian penulisan ini, pelaksanaan PTK untuk MBPK MP dapat diperluaskan supaya dapat memberi manfaat dalam bidang pendidikan khas, murid, keluarga dan masyarakat.

# Senarai Singkatan

BPK	-	Bahagian Pendidikan Khas
GPK	-	Guru Penolong Kanan
HSPPKBP	-	Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran
IDEA	-	<i>Individual Disabilities Education Act</i>
IPGM	-	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
JKM	-	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
JPNJ	-	Jabatan Pendidikan Negeri Johor
KSM	-	Kementerian Sumber Manusia
KH	-	Kemahiran Hidup
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
MBPK	-	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas
MP	-	Masalah Pembelajaran
MPV-Khas	-	Mata Pelajaran Vokasional-Khas
NKRA	-	<i>National Key Result Areas</i>
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PK	-	Program Kemahiran
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
PPKI	-	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPM	-	Pembantu Pengurusan Murid
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PTK	-	Program Transisi Kerjaya
PTPK	-	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
RPI	-	Rancangan Pendidikan Individu
SKK	-	Sekolah ke Kerjaya
SKM	-	Sijil Kemahiran Malaysia
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
WBL	-	<i>Work Base Learning</i>

# 1

## Pendidikan Khas

Berdasarkan Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 2013) Bahagian 3, ‘Pendidikan Khas’ ertinya pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas di suatu sekolah khas, atau di sekolah yang melaksanakan PPKI atau Program Pendidikan Khas Inklusif, pada peringkat pendidikan pra sekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah atau pendidikan lepas menengah. Akta tersebut juga menyatakan bahawa ‘Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)’ ertinya murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli audiologi atau ahli psikologi, mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak, sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan, atau ketidakupayaan dan masalah, seperti yang disebut (Malaysia, 2013).

Pendidikan khas adalah program atau perkhidmatan yang direka khas bagi melengkapkan keperluan seseorang individu yang luar biasa dan memerlukan bahan-bahan pengajaran khas, teknik pengajaran yang luar biasa serta kemudahan-kemudahan yang tertentu (Kauffman & Hallahan, 2005). Peter, Emeliana & Mohd Sofi (2010) pula menyatakan bahawa murid khas atau individu istimewa merupakan sekumpulan murid yang kurang upaya dan mengalami masalah pembelajaran. Pelbagai istilah yang digunakan terhadap individu berkeperluan khas seperti individu luar biasa, individu kurang upaya, individu yang mengalami kecacatan, individu istimewa dan individu yang berisiko. Namun, pendidikan khas dalam konteks Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dilaksanakan melalui sekolah khas untuk murid bermasalah penglihatan dan pendengaran. Manakala bagi individu bermasalah pembelajaran pula

## 2

### Isu Kerjaya Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)

Golongan berkeperluan khas juga seperti insan lain yang memerlukan pekerjaan supaya tidak hanya bergantung harap kepada keluarga dan menunggu ihsan daripada orang lain untuk memenuhi keperluan kehidupan sehari-hari. Kesukaran golongan berkeperluan khas terutama murid Masalah Pembelajaran (MP) untuk mendapatkan pekerjaan merupakan satu isu yang perlu diberi perhatian serius (Abdullah *et al.* 2015). Ini adalah kerana peluang pekerjaan tidak terjamin untuk golongan berkeperluan khas walaupun mereka diberi peluang pendidikan yang sama (Nasri *et al.* 2010). Perkara utama yang mereka harus hadapi adalah persaingan yang meliputi peluang pekerjaan, kemahiran yang diperlukan ditambah pula dengan keupayaan dan kemampuan fizikal yang kurang, pandangan negatif masyarakat (Mat Daros *et al.* 2012) serta kekurangan kemahiran yang selari dengan kehendak majikan (Abdullah *et al.* 2015).

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) berpendapat bahawa murid berkeperluan khas tidak tersedia untuk diambil bekerja disebabkan laluan kerjaya yang kurang jelas untuk mereka. Berdasarkan laporan daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025, pada tahun 2012, sebanyak 1,934 murid berkeperluan khas daripada sekolah pendidikan khas, vokasional dan arus perdana menamatkan pendidikan pada Tingkatan Lima. Namun, tiada program penempatan kerja yang standard disediakan untuk murid berkeperluan khas dan bilangan yang akan diambil bekerja adalah tidak jelas. Tambahan pula golongan ini masih lagi dipertikaikan keupayaan mereka oleh masyarakat menyebabkan ramai yang masih tidak mempunyai pekerjaan walaupun setelah menamatkan persekolahan (Mohd Isa & Abdul Kadir, 2013). Namun begitu, terdapat juga organisasi yang menyedari bahawa kurangnya sokongan dan perhatian yang memulakan dasar negara untuk mewujudkan sistem sokongan pekerjaan untuk golongan tersebut (Ng Lee *et al.* 2013).

# 3

## Kurikulum Pendidikan Khas

Berdasarkan Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 2013) Bahagian 3, ‘Kurikulum Pendidikan Khas’ ertinya:

- a. Kurikulum Kebangsaan;
- b. Kurikulum Kebangsaan yang diubahsuai oleh Ketua Pendaftar;
- c. Kurikulum yang direka bentuk khusus oleh Ketua Pendaftar; atau
- d. apa-apa kurikulum latihan kemahiran pada pendapat Ketua Pendaftar, sesuai dan bermanfaat bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)

Bagi melaksanakan Pendidikan Khas, berdasarkan akta tersebut juga, Peraturan-Peraturan Pendidikan Khas (2013) Bahagian 8 (1) menyatakan bahawa:

- a. mana-mana orang yang terlibat dalam pelaksanaan Pendidikan Khas hendaklah menggunakan Kurikulum Pendidikan Khas;
- b. seseorang guru hendaklah menggunakan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) dan
- c. seseorang guru boleh membuat pengubahsuaian kepada kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran, masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti, susunan aktiviti dan bahan bantu mengajar.

# 4

## Pendidikan Vokasional

Bidang vokasional merupakan satu konsep pendidikan yang berorientasikan kerjaya dan konsep keseluruhan pendidikan vokasional adalah untuk pembangunan kompetensi termasuk individu, kecekapan kerja, latihan yang berkesan, konsep pengajaran serta konsep pembelajaran yang diperlukan untuk memasuki pasaran kerja (Rasul *et al.* 2012). Program yang dijalankan dalam kurikulum pendidikan vokasional yang disediakan kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran (MP) di peringkat menengah seharusnya relevan dengan keperluan pasaran kerja semasa serta bersesuaian dari segi keupayaan fizikal dan mental murid itu sendiri (Mohd Isa *et al.* 2009). Ini adalah kerana kajian Paul (2011) mendapati bahawa individu yang terlibat dengan gabungan program akademik dan pendidikan vokasional dapat memberi kesan positif kepada ciri-ciri pekerjaan seterusnya dapat mengekalkan pekerjaan tersebut kerana perubahan tingkah laku ke arah yang positif, penglibatan sosial dan kemampuan untuk bekerja dengan baik.

Bagi memastikan pelaksanaan program dalam kurikulum pendidikan vokasional dapat dilaksanakan secara berkesan, guru-guru pendidikan khas perlu memperoleh pengetahuan yang kukuh dalam bidang tersebut, di samping memberi tumpuan kepada strategi pembelajaran dan pengajaran (Dupoux, 2008) peranan pengetua dan kaunselor amat diperlukan (Mat Daros *et al.* 2012), pihak ibu bapa perlu memberikan sokongan yang kuat kepada pihak institusi sementara pihak-pihak luar perlu lebih proaktif dan kemudahan asas perlu disediakan dengan lengkap bagi tujuan pelaksanaan kurikulum (Mohd Isa *et al.* 2009). Selain itu, Followay, Patton & Serna (2001) mendapati lapan bentuk latihan vokasional yang boleh diterapkan dalam program transisi ke arah alam pekerjaan MBPK. Rajah 4.1 menunjukkan latihan vokasional berdasarkan sekolah untuk MBPK.

# 5

## Program Transisi Kerjaya

Program transisi sekolah ke kerjaya bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran (MP) dibentuk berdasarkan latihan vokasional di sekolah menengah teknik dan vokasional dan dirancang dengan lebih spesifik kerana mengambil kira keupayaan dan kebolehan individu berkeperluan khas (Hamdan, 2003). Namun begitu, perkembangan pelaksanaan Program Transisi Kerjaya (PTK) untuk MBPK MP di Malaysia adalah sedikit terkebelakang jika dibandingkan dengan luar negara. Pendidikan Khas luar negara seperti Amerika telah lama melaksanakan program transisi ke arah kerjaya MBPK yang bermula seawal tahun 80-an melalui konsep tahap perkhidmatan masyarakat dalam membolehkan MBPK memperolehi pekerjaan selepas tamat sekolah (Kohler & Field, 2003). Pelbagai kajian telah dijalankan dengan penghasilan pelbagai dapatan dalam meningkatkan perkhidmatan transisi ke arah kerjaya MBPK di negara mereka.

Transisi MBPK MP merupakan peralihan atau perubahan daripada setiap peringkat iaitu dari prasekolah ke sekolah rendah, dari sekolah rendah ke sekolah menengah dan dari sekolah menengah ke komuniti iaitu kehidupan dewasa dan alam pekerjaan (Zainal Abidin, 2009). Konsep transisi pendidikan khas mengikut konteks Bahagian Pendidikan Khas (BPK) adalah seperti dalam Rajah 5.1.

# 6

## Model-Model dalam Transisi Kerjaya

Terdapat pelbagai model dan teori berdasarkan kajian-kajian terdahulu yang mengandungi pelbagai elemen dan komponen dalam menghasilkan sesebuah Program Transisi Kerjaya (PTK) yang berjaya. Antara model-model yang boleh dijadikan sebagai rujukan dalam pelaksanaan PTK ialah:

- i. Model Pilihan Transisi untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) (Rojewski, 1992),
- ii. Taksonomi Program Transisi (Kohler & Field, 2003),
- iii. Standard Transisi dan Petunjuk Kualiti untuk Pendidikan Menengah dan Transisi (Kedewasaan) (Blackmon, 2008),
- iv. Model Perancangan Transisi Alternatif untuk Murid Pendidikan Khas (Karalahis, 2011), dan
- v. Model Hubungan Pekerjaan (Thijssen, Heijden & Rocco, 2008).

### Model Pilihan Transisi untuk MBPK

Model Pilihan Transisi untuk MBPK merupakan hasil kajian Rojewski (1992). Walaupun kajian ini telah lama dijalankan, namun kajian-kajian terbaharu tentang perkhidmatan transisi kerjaya untuk MBPK masih lagi menggunakan hasil kajian beliau yang bertajuk ‘Kunci Komponen Terhadap Model Perkhidmatan Transisi untuk Murid Berkeperluan Khas’ sebagai rujukan. Rajah 6.1 menunjukkan Model Pilihan Transisi untuk MBPK yang dihasilkan oleh Rojewski (1992).

# 7

## Teori-Teori Transisi Kerjaya

Berdasarkan model-model yang boleh dikaitkan dengan transisi kerjaya Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran (MP), Taksonomi Program Transisi berdasarkan kajian Kohler & Field (2003) merupakan satu model yang terhasil berdasarkan kajian terhadap transisi kerjaya untuk murid berkeperluan khas di Amerika. Oleh yang demikian, perbincangan bagi teori-teori yang berkaitan dengan transisi kerjaya MBPK MP difokuskan kepada elemen-elemen yang terkandung di dalam model tersebut. Terdapat lima elemen penting iaitu perancangan berpusatkan murid, perkembangan murid, kolaborasi antara agensi dan pelbagai disiplin, penglibatan keluarga dan struktur program. Namun begitu, setiap elemen yang dibincangkan akan dikaitkan dengan pelbagai teori berdasarkan pelbagai kajian terdahulu.


### Perancangan Berpusatkan Murid

Perancangan berpusatkan murid merupakan pembentukan matlamat murid dengan menggunakan maklumat penaksiran yang relevan sebagai asas perancangan, penglibatan murid tersebut dalam perancangan dan membuat keputusan serta penilaian murid terhadap kemajuan diri dalam menuju matlamat tersebut (Kohler & Field, 2003). Berdasarkan Model Konseptual Kurikulum Pendidikan Khas yang telah diterangkan sebelum ini di bawah subtajuk 3.1 (Kurikulum Pendidikan Khas), perancangan kurikulum untuk MBPK MP adalah ke arah kehidupan bermakna mereka. Oleh itu, Peter *et al.* (2010) telah membuat inovasi terhadap model tersebut dan terhasilnya Model Penyatuan Pendidikan Khas seperti di dalam Rajah 7.1.

# 8

## Kerangka Amalan Transisi Kerjaya

Kerangka Amalan Transisi Kerjaya ini telah dibina berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan terhadap Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya (PTK) Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran (MP). Ianya merangkumi pelaksanaan PTK untuk MBPK MP, penglibatan industri dalam PTK tersebut dan panduan yang terhasil kepada pelaksanaannya. Rajah 8.1 merupakan Kerangka Amalan Transisi Kerjaya MBPK MP berdasarkan iklim pendidikan di Malaysia.



Rajah 8.1: Kerangka Amalan Transisi Kerjaya MBPK MP  
(Mohd Nassir, 2016)

**9****Persekolahan Murid Berkeperluan  
Pendidikan Khas Masalah  
Pembelajaran**

Elemen persekolahan di dalam Program Transisi Kerjaya (PTK) untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran (MP) adalah berdasarkan amalan sekolah sebagai pelaksana, memberikan sokongan, membekalkan kemahiran, memantau perkembangan, perunding dan pemudah cara, serta fasilitator dan pengurus. Persekolahan merupakan satu kategori utama dalam amalan transisi kerjaya MBPK MP. Ini adalah kerana sekolah yang mempunyai PPKI memainkan peranan yang sangat penting dalam memulakan pelaksanaan PTK kerana menempatkan MBPK MP dengan kepelbagaiannya individu dan bertanggungjawab memberikan perkhidmatan pendidikan dalam melahirkan murid yang mempunyai kehidupan bermakna, di mana mereka bersedia melangkah ke alam pekerjaan dan alam dewasa. Oleh kerana PPKI merupakan satu unit kecil yang ditempatkan di sekolah menengah harian, setiap perancangan dan pelaksanaan PTK memerlukan sokongan daripada pentadbiran sekolah.

Kajian Mohd Isa *et al.* (2009) menyokong perkara tersebut kerana peranan pihak sekolah terutamanya pengetua amat diperlukan dengan menggalakkan dan mewujudkan hubungan baik antara sekolah dengan masyarakat, menggalakkan pendekatan untuk proses perancangan dan penilaian, membantu dalam pembangunan dasar-dasar dan prosedur tertentu yang berkaitan dengan proses penilaian dan memastikan bahawa sumber-sumber yang diperlukan adalah mencukupi dalam pelaksanaan program transisi kerjaya yang dijalankan. Pihak sekolah juga perlu memastikan PPKI menjalankan proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) mengikut peraturan dan kurikulum yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pendidikan Khas (BPK) dalam melatih murid dengan kemahiran untuk bekerja melalui PTK yang dirancang.

**10****Perancangan Berpusatkan Murid**

Perancangan berpusatkan murid merupakan kategori penting dalam pelaksanaan Program Transisi Kerjaya (PTK) untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran (MP) yang merujuk kepada penentuan diri ke arah kehidupan bermakna, kemahiran advokasi diri, pembentukan matlamat masa depan, dan tindakan masa depan. Menurut Blackmon (2008), persekolahan yang efektif menyediakan individu untuk menjadi warganegara yang produktif, melanjutkan pelajaran, melibatkan diri dalam pekerjaan yang bermakna dan bekerja ke arah mencapai matlamat hidup mereka. Perancangan dan pelaksanaan PTK untuk MBPK MP dalam membentuk penentuan diri ke arah kehidupan bermakna adalah di mana murid memahami tujuan hidup melalui refleksi diri merujuk kepada tahap keupayaan, kecenderungan, minat dan umur mereka. Peter *et al.* (2010) juga berpendapat MBPK MP perlu mempunyai kemahiran keazaman diri untuk menyatakan kesediaan kendiri mereka kepada orang lain di samping melakukan refleksi diri dan memahami tujuan hidup. Ini kerana menurut Kohler & Field (2003), keazaman diri dan refleksi diri merupakan dua elemen penting dalam perancangan berfokuskan murid. Paez & Arendt (2014) pula menyatakan bahawa umur dan tahun-tahun berkerja memberi kesan positif ke atas sikap tentang kepentingan memperolehi kemahiran untuk MBPK bekerja. Manakala Blackmon (2008) juga mendapati keupayaan diri yang unik, minat dan keutamaan menyumbang kepada penentuan matlamat dan keputusan murid.

Selain itu, penentuan diri ke arah kehidupan bermakna juga melibatkan persediaan diri dari segi fizikal, mental, emosi dan kemahiran. Amiruddin *et al.* (2014) turut sependapat kerana mendapati tahap kesediaan murid dalam sesuatu perkara dapat diterapkan melalui persiapan mental, sikap dan emosi. Peter *et al.* (2010) juga menyokong hal ini dari aspek penentuan

**11****Struktur Program Transisi Kerjaya**

Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya (PTK) untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran (MP) juga merujuk kepada struktur program. Dalam menentukan perancangan PTK untuk MBPK MP dapat dilaksanakan dengan berkesan, struktur program yang dirangka mestilah berdasarkan kurikulum pendidikan khas. Program Keusahawanan (PTK asas), Program PK Possible, Program *Buying Seats* (PTK penuh) dan Program *Job Coaching* (PTK separa) merupakan program yang berjaya mempersiapkan MBPK MP ke alam kerjaya dan kedewasaan. Hal ini selari dengan Poniran (2010) kerana PTK yang dirancang dan dilaksanakan pada peringkat sekolah menengah adalah berbentuk asas, separa dan penuh. Followay *et al.* (2001) pula mendapati program transisi sekolah ke kerjaya untuk MBPK boleh diterapkan melalui latihan vokasional berasaskan sekolah merangkumi aspek-aspek yang menjadi pemangkin dalam latihan yang diberikan iaitu latihan vokasional biasa, latihan vokasional komuniti, latihan vokasional adaptasi, latihan distributif, latihan kerja, pengalaman kerja, sokongan pekerjaan dan latihan kerja kampus.

Program Keusahawanan merupakan PTK asas dengan menggunakan pendekatan pendidikan merentas kurikulum di mana mata pelajaran berdasarkan kurikulum yang telah ditetapkan dipilih dan digabung jalin ke arah memberikan perkhidmatan mengikut kepelbagaiannya murid untuk berkemahiran. Program ini dilaksanakan pada peringkat dalaman sekolah dengan penglibatan murid dan guru dengan memasarkan produk yang telah dihasilkan. Hal ini disokong oleh Mohd Isa & Abdul Kadir (2013) kerana mendapati kemahiran yang sangat diperlukan oleh MBPK MP di PPKI sekolah menengah adalah dalam bidang kemahiran yang mana ianya akan digabungkan dengan kemahiran keusahawanan. Selain itu, Gugerty *et al.* (2008) juga berpendapat bahawa sekolah

# 12

## Kolaborasi

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) menjalankan Program Transisi Kerjaya (PTK) untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran (MP) melalui kolaborasi bersama institusi pendidikan vokasional awam dan swasta serta industri. Amalan kolaborasi tersebut melibatkan murid, keluarga, sekolah dan pelbagai agensi dalam penyaluran perkhidmatan ke arah kerjaya murid. Oleh yang demikian, tindakan kolaboratif tersebut melibatkan aspek pengurusan masa, tempat dan kewangan. Kohler & Field (2003) turut sependapat kerana tindakan kolaboratif memainkan peranan dalam perkembangan program serta penyaluran perkhidmatan.

Aspek pengurusan masa merupakan elemen penting dalam PTK untuk MBPK MP kerana berkait dengan faktor umur dan tempoh pelaksanaan mengikut program. Hal ini disokong oleh Mohd Isa & Abdul Kadir (2013) kerana murid pendidikan khas mempunyai keistimewaan untuk terus belajar di sekolah sehingga berumur 19 tahun dan seterusnya boleh memilih untuk bekerja. Selain itu, aspek pengurusan tempat juga memainkan peranan penting dalam pelaksanaan PTK bersama industri. Hal ini adalah kerana penempatan murid untuk menjalani latihan industri di luar bidang kuasa pihak sekolah. Namun begitu, penempatan yang dibuat oleh pihak industri adalah tidak membebangkan murid kerana mengambil kira faktor jarak tempat latihan dengan rumah dan sekolah. Perkara ini disokong oleh Blackmon (2008) kerana aktiviti berkaitan dengan PTK untuk MBPK adalah merujuk kepada perkhidmatan, kemudahan dan sokongan yang diberikan oleh pihak yang terlibat dengan mereka.

Pelaksanaan PTK melalui kolaborasi sekolah bersama institusi pendidikan vokasional dan industri juga melibatkan pengurusan kewangan dari

# 13

## Penglibatan Keluarga

Amalan penglibatan keluarga dalam pelaksanaan Program Transisi Kerjaya (PTK) untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran (MP) adalah penting dalam merancang dan memberi perkhidmatan pendidikan dan transisi. Ini adalah kerana terdapat tiga fokus utama iaitu penglibatan, hak dan latihan. Kenyataan ini disokong oleh Kohler & Field (2003) kerana latihan berfokuskan penglibatan keluarga boleh meningkatkan kemampuan bekerja murid bersama guru dan pelbagai pihak dengan efektif. Oleh itu, keluarga berperanan untuk terlibat secara langsung dalam perancangan dan perjalanan transisi MBPK MP, membuat keputusan dan juga sebagai jurulatih. Keluarga juga bertanggungjawab menghantar murid tersebut ke tempat latihan dan sanggup menanggung sebarang risiko sepanjang tempoh latihan yang dijalankan.

Selain itu, keluarga mempunyai hak dalam perjumpaan semasa pembinaan RPI dalam menetapkan matlamat masa depan murid. Ibu bapa atau keluarga juga berhak dalam membuat sebarang pilihan dalam menentukan program yang bersesuaian untuk murid. Mereka juga boleh mengemukakan sebarang idea, pendapat atau pandangan yang bersesuaian semasa perbincangan. Menurut Blackmon (2008), penyertaan keluarga boleh menggalakkan pertumbuhan sosial, emosi, fizikal, akademik, dan pekerjaan murid. Dari segi latihan pula, keluarga boleh membantu guru dalam memberikan latihan kemahiran kepada murid supaya berlaku kesinambungan tentang kemahiran yang dipelajari di sekolah dan diperaktikkan di rumah. Dengan itu, murid tersebut dapat menguasai bidang kemahiran dengan baik dan cepat. Blackmon (2008) juga berpendapat bahawa keluarga boleh terlibat secara langsung dalam memberikan latihan kepada anak-anak mereka bagi memastikan kemahiran yang dipelajari dapat diamalkan dan kekal dalam ingatan mereka.

**14****Perkembangan Murid**

Perkembangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran (MP) dianalisis berdasarkan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) melalui analisis tugasan dan dokumen tahap pencapaian murid. Selain itu, perkembangan murid juga dilihat melalui pemerhatian dan laporan daripada pihak institusi atau industri. Analisis dokumen terhadap RPI MBPK MP yang menjalani Program Transisi Kerjaya (PTK) menunjukkan bahawa maklumat yang terkandung dalam dokumen tersebut adalah maklumat diri murid, kekuatan dan kelemahan murid, matlamat jangka panjang, objektif jangka pendek, tempoh masa, pendekatan, tempat latihan dan individu yang terlibat. RPI tersebut disokong dengan analisis tugasan serta dokumen tahap pencapaian murid bagi menilai perkembangan murid tersebut dari segi kemahiran asas dan keupayaan kehidupan sehari-hari, keupayaan bekerja dan ciri-ciri tingkah laku dan kehidupan bermasyarakat. Rekod pencapaian murid berdasarkan dokumen tersebut dibuat pada setiap bulan dan diplotkan ke dalam graf perkembangan yang kemudian akan dicatatkan di dalam RPI setelah tamat tempoh percubaan selama tiga bulan.

Berikut di dalam Jadual 14.1 merupakan satu contoh analisis dokumen terhadap tahap pencapaian seorang MBPK MP, sewaktu menjalani latihan industri dalam pembuatan dan penyediaan makanan semasa tempoh percubaan. Penilaian dibuat pada setiap bulan dan berdasarkan graf perkembangan beliau yang menunjukkan peningkatan membolehkan beliau diambil menjadi seorang pekerja tetap bermula tahun 2012 sehingga kini masih kekal bekerja.

# 15

## Kesediaan Pengalaman Kerja

Kesediaan pengalaman kerja Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran (MP) adalah berdasarkan kesedaran kerjaya, penerokaan kerjaya dan penilaian kerjaya. Kesediaan pengalaman kerja murid diterapkan melalui proses pembelajaran bilik darjah dan tempat kerja yang dijalankan dalam pelaksanaan Program Transisi Kerjaya (PTK). Hal ini disokong oleh Blackmon (2008) kerana kesediaan pengalaman kerja melalui pengalaman pembelajaran adalah untuk membantu golongan tersebut bersedia untuk mendapat kejayaan dalam pendidikan menengah, kerjaya dan hidup berdikari. Selain itu, kesedaran pengalaman kerja dapat dipupuk berdasarkan minat murid untuk bekerja melalui PTK yang dijalankan. Seterusnya, guru melihat kepada tahap keupayaan dan kemampuan mereka untuk menentukan kecenderungan mereka ke arah mana. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Program Keusahawanan dapat mewujudkan kesedaran murid untuk melangkah ke dunia pekerjaan berdasarkan minat, keupayaan dan kecenderungan. Menurut Blackmon (2008) juga pengalaman kerja yang sesuai membolehkan murid untuk meneroka pelbagai peluang kerjaya sementara mengenal pasti minat kerjaya mereka, kebolehan, dan keperluan yang berpotensi ke arah kehidupan bermakna.

Kesediaan pengalaman kerjaya murid sekolah ini juga adalah berdasarkan penerokaan bidang kerja melalui struktur program dalam Program Keusahawanan, PK Possible, *Buying Seats* atau *Job Coaching*. Murid menunjukkan tingkah laku dan komitmen kerja yang baik untuk menguasai dalam bidang yang telah diceburi adalah disebabkan bidang kerja tersebut dapat memenuhi minat mereka. Tempoh latihan industri selama tiga bulan membolehkan mereka membuat penilaian kendiri untuk memastikan kesesuaian bidang kerja bergantung kepada minat dan pilihan mereka. Nietupski *et al.* (2006) juga sependapat kerana kunci

**16****Cabaran dan Cadangan Pelaksanaan**

Terdapat pelbagai cabaran dalam pelaksanaan Program Transisi Kerjaya (PTK) untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran (MP), namun terbukti bahawa pihak yang terlibat dapat menangani setiap isu dan cabaran yang timbul kerana mampu menjalankan PTK tersebut dengan jayanya. Antara cabaran-cabaran yang wujud dalam pelaksanaan PTK ini adalah pemahaman konsep transisi kerjaya, pernyataan dari peringkat dasar, sikap ibu bapa, penerimaan murid, tempat latihan, pekerjaan dan faktor kewangan. Kefahaman guru dan ibu bapa terhadap konsep sebenar transisi bagi MBPK MP menjadi cabaran dalam pelaksanaan program tersebut adalah disebabkan kekurangan maklumat berkaitan program tersebut. Walau bagaimanapun, pihak sekolah perlu menerangkan pelaksanaannya kepada keluarga MBPK MP kerana perlu memainkan peranan dengan memulakan dan menerangkan pelaksanaan PTK terhadap MBPK MP kepada keluarga murid tersebut. Abdullah *et al.* (2015) menyokong hal ini kerana kekurangan sumber dan maklumat menyebabkan sukar untuk mendapatkan kerjasama keluarga dan masyarakat dalam melaksanakan sesuatu program ke arah masa depan kerjaya MBPK MP.

Seterusnya ia akan menjadi cabaran dalam meningkatkan kesedaran dan bimbingan terhadap laluan pendidikan dan kerjaya untuk MBPK di sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Selain itu, pernyataan dari peringkat dasar tentang prosedur pelaksanaan yang masih samar kerana tiada punca kuasa yang jelas tentang pelaksanaan program tersebut yang menyukarkan kerjasama dengan industri. Mohd Yusuf & Mohd Yasin (2014) menyokong kenyataan ini kerana mendapati aspek keperluan dalam penyaluran perkhidmatan pendidikan untuk MBPK ialah pernyataan arahan di peringkat dasar pendidikan, latihan dan pengurusan sumber manusia, program pembangunan diri, interaksi kolaborasi, penempatan pekerjaan dan penglibatan ibu bapa.



## Bibliografi

- Ahmad, M. S. (2004). *Mengurus Kanak-kanak yang Susah Belajar*. 1<sup>st</sup> ed. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah, N. & Mohd Yasin, M. H. (2014). Keperluan Pelaksanaan Program Mata Pelajaran Vokasional Khas (MPV-Khas) Murid Bermasalah Pembelajaran ke Arah Persediaan Kerjaya. *Seminar International Pascasiswazah Pendidikan Khas UKM-UPI*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 1 - 7.
- Abdullah, N., Mohd Yasin, M. H. & Abdullah, N. A. (2015). Implementation of the Inter-Agency Collaboration in Vocational Education of Students with Learning Disabilities towards Preparation of Career Experience. *Asian Social Science*. 11 (18). 183 - 192.
- Abdullah, N., Mohd Yasin, M. H., Abang Deli, A. A. & Abdullah, N. A. (2015). Vocational Education as a Career Pathway for Students with Learning Disabilities: Issues and Obstacles in the Implementation. *International Journal of Education and Social Science*. 2 (3). 98 - 104.
- Alavi, K., Sail, R. M. & Awang, A. H. (2013). Image of Technical Education and Vocational Training from the Perspective of Parents and Teachers. *Journal of Technical Education and Training*. 5(1), 68 - 88.
- Amiruddin, S., Sombuling, A. & Voo, P. S. K. (2014). Penilaian Kesediaan ke Sekolah Kanak-kanak dan Pengaruhnya Terhadap Penyesuaian di Sekolah. *Seminar Kebangsaan Intergriti Keluarga 2014*. Malaysia: Sabah. 1 - 8.
- Anfara, V. A. & Mertz, N. T. (2006). *Theoretical Frameworks in Qualitative Research*. 1<sup>st</sup> ed. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Ariffin, Z. (2009). *Kerjaya Untuk Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2015). Program Buying Seats [versi elektronik]. Dicapai pada Jun 20, 2015, dari <http://www.moe.gov.my/my/Pengurusan-Program-PBS>.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2014). Program Pendidikan Khas Integrasi [versi elektronik]. Dicapai pada Januari 15, 2014, dari <http://web.moe.gov.my/bpkhas/v2/>.

- Bari, S., Mohd Yasin, M. H. & Yusuf, M. M. (2013). School-to-Work for Hearing Impaired Students. *International Journal of Education and Research*. 1(23), 1 – 12.
- Blackmon, D. (2008). *Transition to adult living: An information and Resource Guide*. California Services for Technical Assistance and Training (CalSTAT California Department of Education 2008).
- Benz, M. R., Yunavoff, P. & Doren, B. (1997). School-to-Work Components That Predict Postschool Success for Students with and Without Disabilities. *Exceptional Children*. 63, 151 – 165.
- Dupoux, E. (2008). General or Vocational Curriculum: LD Preference. *International Journal of Special Education*. 23(3), 39 – 47.
- Elleven, R., Wircenski, M., Mircenski, J. & Nimon, K. (2006). Curriculum-Based Virtual Field Trips: Career Development Opportunities for Students with Disabilities. *The Journal for Vocational Special Needs Education*. 28(3), 4 – 11.
- Epstein, L. J. (2010). *School, Family, and Community Partnerships: Preparing Educators and Improving Schools*. 2<sup>nd</sup> ed. United States of Amerika: Westview Press.
- Fakulti Pendidikan Universiti York (2012). Teaching Self-Advocacy Skills to Students [versi elektronik]. Dicapai pada Jun 20, 2015, dari <https://teachingselfadvocacy.wordpress.com/teaching-self-advocacy-skills>.
- Gugerty, J., Foley, C., Frank, A. & Olson, C. (2008). Developing and Operating School Based Enterprise that Empower Special Education Students to Learn and Connect Classroom, Community and Career-Related Skills. *The Journal for Vocational Special Needs Education*. 31(3), 19 – 56.
- Haber, G. & Sutherland, L. (2008). The Four A's of Managing the Placement and Service of Students with Disabilities in the CTE Classroom. *The Journal for Vocational Special Needs Education*. 31(1), 4 – 8.
- Hackmann, D., Kenworthy, J., & Nibbelink, S. (1998). Student Empowerment through Student-Led Conferences. *Middle School Journal*, 30(1), 35-39.
- Halim, F.A., Bakar, A. R., Hamzah, R. & Rashid, A. M. (2013). Employability Skills of Technical and Vocational Students with Hearing Impairments: Employers' Perspectives. *Journal of Technical Education and Training (JTET)*. 5 (21). 65 - 74.

- Hamdan, A. R. (2003). *Satu Kajian Mengenai Program Transisi Bagi Pelajar Berkeperluan Khas*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Projek Sarjana. "Tidak diterbitkan".
- Hashim, J. & Wok, S. (2014). Predictors to Employees with Disabilities' Organisational Behaviour and Involvement in Employment. *Equality, Diversity and Inclusion: An International Journal*. 33(2). 193 - 209.
- Hassan, Z., Yusof, S. M & Wahad, S. (2006). Pengaplikasian Kemahiran Amali Mata Pelajaran Kemahiran Hidup dalam Kehidupan Pelajar Berkeperluan Khas. Dicapai pada Disember 20, 2012. dari ms 1 di [http://eprints.utm.my/1512/1/Zainudin\\_Hassan\\_UTM\\_JPPG.pdf](http://eprints.utm.my/1512/1/Zainudin_Hassan_UTM_JPPG.pdf).
- Jones, B.A. & Williams, K.L. (2011). Perceptions of Vocational Training with Elementary Special Education Students: A Case Study. *International Journal of Special Education*. 26(1), 125 – 134.
- Karahalis, J. (2011). Coherence and Compliance of Kohler's Model for Successful Transition Planning with Classified Special Education Students. Dicapai pada Oktober, 20, 2015, dari ms.1 di [http://stats.jkarahalis.com/sites/default/files/Johns\\_Dissertation\\_April\\_2nd\\_2011.pdf](http://stats.jkarahalis.com/sites/default/files/Johns_Dissertation_April_2nd_2011.pdf).
- Kauffman, J.M. & Hallahan, D. P. (2005). Special Education: What It Is and Why We Need It. 2<sup>nd</sup> edition. Boston; Montreal: Pearson/ Allyn and Bacon.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah*. Putrajaya.
- Kiarie, M. W. (2006). Educational Services for Students with Mental Retardation In Kenya. *International Journal of Special Education*. 21(2), 47 – 54.
- Kohler, P. D. & Field, S. (2003). Transition-Focused Education: Foundation for the Future. *The Journal of Special Education*. 37(3), 174 - 183.
- Lebar, O. (2009). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. 3<sup>rd</sup> ed. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Lindstrom, L., Hirano, K. A., McCarthy, C. & Alverson, C. Y. (2014). "Just

- Having a Job": Career Advancement for Low-Wage Workers with Intellectual and Developmental Disabilities. *Career Development and Transition for Exceptional Individuals*. 37 (1). 40 - 49.
- Mad Isa, M. H. & Abdul Kadir, S. (2013). Perbandingan Kemahiran Vokasional Diperlukan Pelajar Pendidikan Khas Integrasi Sekolah Menengah Harian Biasa Dengan Sekolah Menengah Vokasional Pendidikan Khas. Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan. Bangi: Universiti Putra Malaysia. 400 – 406.
- Makhbul, Z. M. & Hasun, F. M. (2003). *Mengurus Latihan dan Kerjaya*. 1<sup>st</sup> ed. Petaling Jaya: Leeds Publications.
- Malakolunthu, S (2001). Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif. dlm. Marohaini Yusoff. *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 121.
- Malaysia (2013). *Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 2013)*: P.U. (A) 230 2013.
- Mat Daros, M., Nordin, M. S. & Saud, M. S. (2012). Pelajar Berkeperluan Khas dan Bermasalah Pembelajaran Dari Sekolah Ke Kerjaya. *Journal of Social Science*. 5(1), 42 – 46.
- McDonnell, M. C., Crudden, A. & O'Mally, J. (2015). Predictors of Employer Attitudes Toward People Who are Blind or Visually Impaired as Employees. *Journal of Vocational Rehabilitation*. 42(1). 41 - 50.
- Mohamad, M. M., Yee, M. H., Tee, T. K. & Muhamad Rashid. R. (2012). Vocational Pedagogy A Dimension of Vocational Learning with Workplace Requirement. *Journal of Technical Education and Training*. 4(1), 23 – 30.
- Mohamed, J. K. A. (2005). *Pendidikan Khas Untuk Kanak-Kanak Istimewa*. 1<sup>st</sup> ed. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Isa, Z., Salleh, N., Mustapha, R. & Mohd Yassin, H. (2009). Analisis Keperluan Kurikulum Pendidikan Vokasional Pelajar Bermasalah Pembelajaran (LD) Di Malaysia. *Malaysian Education Deans' Council Journal*. 3(2), 87- 97.
- Mohd Nassir, S. N. I. (2016). Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya (PTK) Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran (MP). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana. "Tidak diterbitkan".
- Mohd Yusof, M. & Mohd Yasin, M. H. (2014). Pelaksanaan Program

- Transisi Kerjaya Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis PhD. "Tidak diterbitkan".
- Nasri, M. S., Hamzah, R. & Udin, A. (2010). Falsafah Pendidikan Kebangsaan Memperkasakan Peranan Pendidikan Teknik Vokasional dan Pendidikan Khas. Dicapai pada Oktober 2, 2012, dari ms 1 di [http://eprints.utm.my/14948/1/Falsafah\\_Pendidikan\\_Kebangsaan\\_Memperkasakan\\_Peranan\\_Pendidikan\\_Teknik-eprint8.pdf](http://eprints.utm.my/14948/1/Falsafah_Pendidikan_Kebangsaan_Memperkasakan_Peranan_Pendidikan_Teknik-eprint8.pdf).
- Ng Lee, Y. M. A & See, C. M. (2011). Employment of Peopleh With Disabilities In Malaysia: Drivers And Inhibitors. *International Journal of Special Education*. 26(1), 112 – 124.
- Ng Lee, M. Y. A., See, C. M., Tan, K. E., Rosly, O. & Ahmad, F. O. (2013). School-To-Work Transition Services for Students with Disabilities in Malaysia: Organisation's Views on Policy and Practices. *Journal of Research in Special Educational Needs*. 13 (4), 259 – 271.
- Nietupski, J., Warth, J., Winslow, A., Johnson, R., Douglas, B., Johnson, M. & Cilek, J. (2006). Iowa's High School Super Senior School-to-Work Transition Program. *The Journal for Vocational Special Needs Education*. 29(1), 17 – 29.
- Ofoegbu, N.E. & Azarmsa, R. (2010). Impact of The Special Education Vocational Education Program (VEP) On Student Career Success. *International Journal of Special Education*. 25(2), 34 – 46.
- Paez, P. & Arendt, S. W. (2014). Managers' Attitude towards Employees with Disabilities in the Hospitality Industry [versi elektronik]. Dicapai pada Mac 15, 2015, dari [http://lib.dr.iastate.edu/aeshm\\_pubs.pdf](http://lib.dr.iastate.edu/aeshm_pubs.pdf).
- Patton, W. & McMahon, M. (2006). *Career Development and System Theory: Connecting Theory & Practice*. The Netherlands: Sense Publishers.
- Paul, S. M. (2011). Outcomes of Students with Disabilities in A Developing Country: Tobago. *International Journal of Special Education*. 26(3), 194 – 211.
- Peter, C.J., Emeliana, E. & Mohd Sofi, N. (2010). Perkembangan Kurikulum Pendidikan Khas Teknik dan Vokasional. Dicapai pada September 14, 2012, dari ms. 1 di [http://eprints.utm.my/14941/1/Perkembangan\\_Kurikulum\\_Pendidikan\\_Khas\\_Teknik\\_dan\\_Vokasional.pdf](http://eprints.utm.my/14941/1/Perkembangan_Kurikulum_Pendidikan_Khas_Teknik_dan_Vokasional.pdf).

- Polloway, E. A., Patton, J. R. & Serna, L. (2001). Strategies for Teaching Learners with Special Needs. 7<sup>th</sup> ed. Upper Saddle River, N.J.: Merrill/Prentice Hall.
- Poniran, A. (2010). Kajian Kes Program Keberkesanan Program Transisi Sekolah Ke Kerjaya. Dicapai pada Oktober 20, 2012, dari <http://otak2sped.blogspot.com/>
- Rasul, M. S., Ismail, M. Y., Ismail, N., Rajuddin, R. & Abd. Rauf, R. (2009). Aspek Kemahiran ‘Empoyability’ yang Dikehendaki Majikan Industri Pembuatan Masa Kini. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34 (2), 67 – 79.
- Rojewski, J. W. (1992). Key Components of Model Transition Services for Students with Learning Disabilities. *Learning Disability Quarterly*. 13 (1). 135 - 150.
- Samian, S. S., Ali, K. M. & Buntat, Y. (2013) Persepsi Majikan Terhadap Pekerja Orang Kurang Upaya (OKU) dalam Organisasi di Negeri Johor [versi elektronik]. Dicapai pada Mac 3, 2013, dari ms1. di <http://educ.utm.my/wp-content/uploads/2013/11/491.pdf>.
- Siperstein, G. N., Romano, N., Mohler, A. & Parker, R. (2006). A National Survey of Consumer Attitudes Towards Companies That Hire People with Disabilities. *Journal of Vocational Rehabilitation*. 24 (1). 3 – 9.
- Strauss, A & Corbin, J (1998). Basics of Qualitative Research: Techniques and Procedures for Developing Grounded Theory. 2<sup>nd</sup> ed. United Kingdom: SAGE Publications.
- Test, D. W., Fowler, C. H., Wood, W. M. Brewer, D. M. & Eddy, S. (2005). A Conceptual Framework of Self Advocacy for Students with Disabilities. *Journal of Special Education*. 26(1), 43 – 52.
- Thijssen, J. G.L., Heijden, B. I.J.M. & Rocco, T. S. (2008). Toward the Employability--Link Model: Current Employment Transition to Future Employment Perspectives. *Human Resource Development Review*. 7 (2). 165-183.
- Tie, F.A. (2006). Perkembangan Rangka Perundangan Undang-Undang Pendidikan Khas di United Kingdom: Implikasi Kepada Malaysia. *Masalah Pendidikan*. 159 – 166.
- Wehmeyer, M. L. & Palmer, S. B. (2003). Adult Outcomes for Students with Cognitive Disabilities Three Years After School: The Impact of Self-Determination. *Education and Training in Developmental*

- Disabilities.* 38 (2). 131 - 144.
- William-Diehm, K. L. & Lynch, P. S. (2007). Student Knowledge and Perceptions of Individual Transition Planning and Its Process. *The Journal for Vocational Special Needs Education.* 29(3), 13 – 21.
- Woolsey, L. & Katz-Leavy, J. (2008). Excerpts from Transitioning Youth with Mental Health Needs to Meaningful Employment and Independent Living. *The Journal for Vocational Special Needs Education.* 31(1), 9 – 18.
- Worrell, J. L. & Taber, M. (2009). Special Education Practices in China and The United States: What is to Come Next? *International Journal of Special Education.* 24(3), 132 – 142.
- Yusuf, A. M., Ali, M. M, & Salleh, A.M. (2013). Pendidikan Vokasional Pelajar Berkeperluan Khas Ke Arah Memenuhi Pasaran Pekerjaan. *Proceeding of the International Conference on Social Science Research.* Malaysia: Penang. 1189 – 1196.
- Yusoff, M. (2001). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian.* 1<sup>st</sup> ed. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Zainal Abidin, N. (2009). What Do We Mean by Transition at Secondary School for Students with Special Educational Needs: A Case Study in the Federal Territory, Kuala Lumpur, Malaysia. University of Warwick: Tesis PhD. “Tidak diterbitkan”.
- Zulkifli, A. H., Jamilah, O., Aminah, A. & Asmi, A. I. (2011). Hubungan Antara Penglibatan Ibubapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education.* 3 (2). 31 - 40.